

TARIKH : 13 SEPTEMBER 2023
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 6

Tiga keutamaan untuk pastikan RMK12 berjaya

Tiga keutamaan untuk pastikan RMK12 berjaya

Oleh MOHD. FADHLI
MOHD. SULAIMAN
fadhli.sulaiman@mediamula.com.my

KUALA LUMPUR: Kerajaan Perpaduan perlukan memberi penekanan kepada tiga keutamaan bagi memastikan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) mampu direalisasikan dalam tempoh berbaki dua setengah tahun.

Ahli Parlimen Titiwangsa, Datuk Seri Johari Abdul Ghani berkata, salah satu keutamaan tersebut ialah menggantikan subsidi pukal dengan subsidi bersasar.

Katanya, walaupun subsidi pukal membantu rakyat dari segi mengurangkan kos sara hidup, namun ia juga memberi kesan negatif seperti penyalahgunaan dan ketirisan dalam bentuk penyeludupan.

"Contohnya, pada awal tahun ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menjelaskan negara menanggung kerugian sebanyak RM10 bilion daripada subsidi diesel disebabkan penyelewengan dan penyeludupan.

"Jumlah RM10 bilion ini sepatutnya boleh disalurkan kepada



JOHARI Abdul Ghani ketika membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 di Dewan Rakyat, semalam.

golongan yang memerlukan," kata bekas Menteri Kewangan II itu ketika membahaskan Kajian Separuh Penggal (KSP) RMK12 di Dewan Rakyat semalam.

Selain itu, beliau menegaskan sifat regresif subsidi pukal dengan berkata, ia memberi manfaat secara tidak seimbang kepada kumpulan berpendapatan tinggi (T20).

Katanya, berdasarkan rekod daripada Bank Negara Malaysia (BNM), data menunjukkan ba-

hawa kumpulan T20 menikmati 42 peratus subsidi petrol, manakala kumpulan berpendapatan rendah (B40) hanya menerima 14 peratus.

Oleh itu, beliau menggesa kerajaan supaya mengutamakan penggunaan cekap dana yang diperuntukkan dalam Belanjawan 2023, memandangkan hanya RM43.9 bilion dibelanjakan setakat ini.

"Kita sudah tidak ada masa. Kita kena guna segala peruntu-

kan yang telah diluluskan. Pembayaran mesti dibuat secara cekap dan pantas.

"Sekiranya projek-projek yang diluluskan sebelum ini tidak boleh memanfaatkan ekonomi, maka perlulah disemak semula dan kita cari projek-projek ini supaya ia memberi kesan pengganda kepada ekonomi negara," katanya.

Kata Johari, bidang tumpuan kerajaan harus melihat kepada keterjaminan makanan, memandangkan kos makanan meningkat mendadak terutamanya beras.

Menurut beliau, Malaysia boleh belajar daripada kejayaan luar biasa seperti Vietnam, yang beralih daripada pengimport beras kepada antara pengeksport beras terkemuka dunia.

"Dengan adanya Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), macam-macam peruntukan belanjawan setiap tahun dan penglibatan oleh syarikat swasta yang terlibat dalam penanaman padi berskala besar.

"Saya percaya suatu hari nanti Malaysia juga boleh mengeksport beras, sepertimana berlaku di Vietnam," katanya.